

30 APR 1998

Mahathir-pekerja

DR MAHATHIR MINTA PEKERJA BERSABAR DALAM KEGAWATAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pekerja di negara ini supaya bersabar dan tabah dalam menghadapi dugaan dan cabaran yang melanda negara kini disebabkan kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri berkata mereka juga harus menerima hakikat bahawa perbelanjaan kerajaan terpaksa dikurangkan akibat masalah itu.

"Kita sekarang terpaksa mengikat perut sedikit untuk memastikan negara kita terus dapat membangun seperti biasa," kata beliau dalam perutusan khasnya sempena Hari Pekerja yang disambut esok.

Dr Mahathir berkata walaupun pekerja di negara ini terjejas oleh kegawatan ekonomi, ianya tidak seteruk seperti di negara-negara lain di rantau ini.

"Kita bersyukur kerana pekerja kita tidak mengalami nasib seburuk yang dialami rakan-rakan mereka di negara-negara rantau ini. Kecuali mereka yang memilih kerja, negara kita memang tidak kurang pekerjaan. Mungkin yang kurang ialah pendapatan mereka tidak lagi seperti dahulu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan berbangga dengan pendirian pekerja di negara ini yang mengambil sikap untuk bersama-sama kerajaan dalam menangani masalah tersebut.

"Pekerja-pekerja kita tidak melakukan apa-apa tindakan yang boleh memburukkan lagi suasana ekonomi negara. Mereka begitu bersatu-padu dan penuh disiplin serta bertanggungjawab dalam menghadapi masalah ini.

"Kesatuan-kesatuan sekerja kita juga harus dipuji kerana begitu memahami dengan keadaan yang dihadapi negara sekarang. Mereka tahu bahawa masalah yang dialami sekarang berpunca daripada perbuatan (orang) asing," katanya.

Dr Mahathir berkata pekerja juga harus sedar bahawa sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan adanya cubaan oleh pihak-pihak tertentu dari luar untuk menjajah semula negara ini secara halus.

"Kali ini mereka tidak menggunakan kekuatan tentera atau politik untuk menguasai diri kita tetapi sebaliknya menggunakan kuasa ekonomi," katanya.

Beliau berkata kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani masalah itu.

Pelbagai langkah telah dan sedang dilakukan untuk menghidupkan semula aktiviti ekonomi negara yang terbantut seperti menyediakan kemudahan kredit, mengurangkan barangan import, menggalakkan pembelian dan penggunaan barangan buatan tempatan.

-- BERNAMA

RA MAI